

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN :

DARIPADA : Dr. Haji Izani bin Haji Husin

TARIKH : 2 APRIL 2015

SOALAN : PR-1331-L66892

Dr. Haji Izani bin Haji Husin

[Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah kes pembalakan haram yang dilaporkan sejak tahun 2004 sehingga 2014 mengikut negeri-negeri. Apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan dalam membendung kegiatan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah statistik Kes Pembalakan Haram di Malaysia Mengikut Wilayah Bagi Tahun 2004 sehingga Tahun 2014 :

KES PEMBALAKAN HARAM DI MALAYSIA MENGIKUT WILAYAH BAGI TAHUN 2004-2014

Wilayah	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	Jumlah
Semenanjung	36	28	34	38	42	30	54	24	8	2	1	297
Sarawak	20	80	63	51	67	41	14	10	17	23	121	507
Sabah	69	60	69	30	34	22	23	24	34	22	28	415
JUMLAH	125	168	166	119	143	93	91	58	59	47	150	1219

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil bagi menangani kegiatan pembalakan haram ialah seperti berikut:

- i. Memperkemaskan dan meminda Akta Perhutanan Negara, 1984 [Akta 313] dengan meningkatkan kadar hukuman dan penalti;
- ii. Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara, 1984;
- iii. Memperkenalkan *INRE Enforcement Team* iaitu aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu oleh agensi-agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian ini dan agensi-agensi penguatkuasaan lain;
- iv. Menubuhkan pasukan penguatkuasaan hutan di peringkat daerah dan negeri serta 'flying squad' di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
- v. Mengadakan rondaan di *hotspot* termasuk menggunakan helikopter;
- vi. Menjalankan sekatan jalan raya dari semasa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;
- vii. Menggunakan teknologi Penderiaan Jauh (*remote sensing*) dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan; dan
- viii. Menggalakkan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat awam untuk turut terlibat sebagai mata dan telinga,

contohnya membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku.

Sekian, terima kasih.